

Budaya Inovasi Pacu Kecemerlangan UMP



Kuantan, 6 Mei- Seramai 141 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dirai dalam Majlis Perasmian Hari Kualiti dan Inovasi UMP 2016 yang dirasmikan Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Directors Academy (Minda) yang juga ahli Lembaga Pengarah UMP, Hj. Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff hari ini.

Penganjuran program ini merupakan medan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga kerja UMP dalam pelbagai lapangan serta mendorong mereka terus berkhidmat cemerlang dalam menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Majlis yang disertai Naib Canselor UMP, Prof. Dato Dr.Daing Nasir Ibrahim turut meraikan penerima anugerah kecemerlangan bagi kategori hadiah dan anugerah lain terdiri iaitu Anugerah Tokoh Masyarakat, Anugerah Sukan, Hadiah ICT (K-Portal), Hadiah Penerbitan dan Hadiah Persekitaran Berkualiti (QE) dalam majlis yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Gambang.



Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus , Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Mashitah Mohd. Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti), Dato' Dr. Ishak Ismail dan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid.

"Status autonomi yang diperolehi universiti ini menuntut pihak LPU, pengurusan UMP dan warga kerja melunaskan kepimpinan dengan aras akauntabiliti yang tinggi dengan mendokong lima nilai teras UMP iaitu hubungan yang kuat dengan Pencipta, teguh mempertahankan prinsip yang disepakati, kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana, cekal menghadapi cabaran dan proaktif dalam tindakan," katanya.



Beliau turut menyarankan agar pihak universiti dapat menubuhkan satu unit khas dalam memantau dan mengurus mana-mana yang tidak menunjukkan prestasi yang baik. Pengalaman seperti ini telah dilaksanakan pihak Johor Corporation yang bukan sahaja menumpukan prestasi terhadap anak-anak syarikatnya yang cemerlang malahan turut melihat mengumpulkan pengalaman anak-anak syarikatnya yang bermasalah mahupun tidak cemerlang.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dalam memaknakan elemen kejuruteraan, teknologi dan kreativiti seperti yang tertera dalam logo UMP kini universiti sedang membangunkan satu kawasan dinamakan Industrial Technology Engineering Creativity Space (ITECS) bagi membangunkan inkubator yang juga sebagai pusat kerjasama universiti-industri dalam memacu inovasi. Beliau turut memberi perhatian terhadap pengurusan kualiti warga universiti dalam menjalankan tugas termasuk menganggap sesuatu perkara itu remeh tetapi memberikan impak yang tidak baik kepada universiti.



Dalam majlis yang sama, Prof. Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff yang merupakan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik dan Pelajar) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan menerima Anugerah Tokoh Masyarakat yang membawa pulang wang tunai RM 3000, trofi dan sijil penghargaan. Beliau yang banyak menyumbang bakti terhadap aktiviti kemasyarakatan aktif dalam program akademik, penyelidikan dan kepimpinan. Prof. Madya Dr. Ahmad Razlan yang merupakan penasihat pasukan Formula 1 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajah Kalsom berbangga apabila pasukan ini menjadi johan peringkat kebangsaan dan melayakkan mewakili Malaysia dalam pertandingan yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Selain itu, beliau juga merupakan penasihat dalam beberapa program akademik termasuk Politeknik Sultan Ahmad Shah dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) serta Presiden Persatuan Pembimbing Masyarakat Sejahtera serta terlibat dalam program sukarelawan banjir di Pahang juga terlibat dalam Projek Free Market melalui Persatuan Staf Akademik UMP (PAKAD).

Bagi Anugerah Sukan pula dibahagikan kepada dua kategori iaitu Anugerah Atlet Terbaik telah dimenangi oleh Mohd Khairul Jasri Salleh dan Anugerah pasukan terbaik telah dimenangi oleh Pasukan Sepak Takraw yang diketuai oleh Saharudin Ramli. Pemenang ini membawa pulang RM 2000, Trofi dan sijil penyertaan setiap kategori.

Seterusnya hadiah ICT yang dibahagikan dua kategori Pentadbiran yang dimenangi oleh Pejabat Pegurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) dan Kategori Akademik pula telah dimenangi oleh Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan yang membawa pulang RM 1000, trofi dan sijil penyertaan.



Hadiah Penerbitan yang menghasilkan karya asli terbaik Penerbit UMP dimenangi gandingan penerima iaitu Dr Shahyar Sorooshian dan Elham Falatoonitosi dan gandingan Dr. Lakhveer Singh dan Prof. Dato' Dr. Zularisam Ab. Wahid yang membawa pulang RM1000. Bagi Hadiah Persekitaran Berkualiti dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Hadiah Pegurusan Amalan 5S Terbaik dan Kategori Tunas Harapan.

Kategori Hadiah Pegurusan Amalan 5S Terbaik dimenangi oleh Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (Pentadbiran dan Bilik Kuliah, Pusat Kesihatan Pelajar Gambang, Perpustakaan Gambang dan Pekan serta Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA). Bagi kategori Tunas Harapan pula dimenangi oleh Makmal Berpusat, Pusat Kejuruteraan Automatif (AEC) dan Makmal Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 06-05-2016, 15:12:39